

Terlalu rindu arwah ayah

Siswa cemburu lihat kawan di kampus bercerita mengenai bapa mereka

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
r.m.s.a@himbreg.com.my

? Saya siswa di sebuah institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan kehilangan ayah beberapa tahun lalu. Namun tidak pernah sehari pun berlalu tanpa ingatan saya kepadanya.

Mungkin kerana saya anak yang paling rapat dengannya, saya akui lebih rapat dengan arwah abah daripada ibu.

Saya mempunyai personaliti yang ceria, sering ketawa dan tersenyum. Mungkin sebab itu saya dapat menyembunyikan perasaan sebenar di depan keluarga dan kawan-kawan.

Namun, setiap kali bersendirian di rumah atau di asrama, saya menangis kerana terlalu merindui arwah abah malah terbawa dalam mimpi.

Walaupun tidak diluahkan dengan kata-kata, saya akui setiap kali melihat kawan-kawan berbual mesra atau berjumpa bapa mereka, saya amat sedih. Ada kalanya ketika kawan saya berbual dan bercerita mengenai ayah masing-masing, saya ter-

singgung walaupun tahu mereka tidak pernah terlintas melukai hati saya.

Saya juga tidak tahu pada siapakah harus meluahkan perasaan yang lama dipendamkan. Kadang kala saya terfikir, mungkinkah saya belum ikhlas untuk menerima pemergian abah?

Apakah yang perlu saya lakukan untuk mengikhlaskan pemergiannya dan bagaimana untuk membuang rasa cemburu pada kawan-kawan kerana tahu mereka tidak berniat sedemikian?

**RINDUKAN AYAH,
NEGERI SEMBILAN**

! Terima kasih kepada adik yang sudi berkongsi kesedihan yang terpendam. Dr dapat melihat adik seorang yang kuat dan tabah dalam mengharungi kesedihan selama beberapa tahun ini. Adik juga mampu untuk memamerkan wajah ceria di hadapan rakan-rakan. Namun setabab-tabah adik dalam menahan perasaan pasti akan mengalir jua air mata mengenangkan kehilangan orang disayangi.

Setiap insan akan merasakan sebuah kehilan-

hakikatnya itu bukan saya.

Sekarang saya berada dalam situasi sukar. Saya memberitahu ibu dan ayah dan mereka amat marah serta memberitahu nenek.

Tapi nenek tidak menunjukkan rasa marah atau terkejut, malah seolah-olah menutup mata mengenai sikap anaknya yang bongsu ini. Saya mahu hal ini selesai dengan harmoni dan saya mahu nenek sedar bahawa tindakan ibu saudara itu keterlaluan. Dia menggunakan helah yang bermacam-macam untuk meraih simpati nenek.

Saya amat tertekan dengan masalah ini sehingga mengganggu pelajaran. Bantulah saya.

**SAKIT HATI,
PULAU PINANG**

! Berhadapan dengan konflik keluarga pasti memberikan tekanan kepada adik. Melihat kepada permasalahan yang dihadapi, Dr berpendapat ibu saudara yang berkahwin dan mempunyai anak tidak sepatut-



gan kerana setiap pertemuan pasti akan ada perpisahan. Apa yang membezakan kita sesama insan adalah siapa orang yang kita hilang dan juga masa kehilangan. Perhubungan adik dengan arwah abah yang sangat rapat pasti dirindui adik.

Dr merasakan tidak sajak untuk adik merindui arwah abah. Disebabkan terlalu rindu itulah menyebabkan adik termimpi-mimpi akan arwah. Dr nasih-

kan adik supaya menyibukkan diri dengan aktiviti di kampus, dengan itu adik akan kurangkan waktu bersendirian dan tidak akan melayan perasaan sedih.

Di dalam Islam juga kita tidak dibenarkan untuk menangi kematian terlalu melampau, apatah lagi apabila boleh memberi kesan kepada kehidupan seharian. Dr pasti adik mampu untuk berhadapan dengan perkara ini. Masa yang berlalu akan men-

kurangkan kesedihan adik dengan syarat perlu berusaha untuk melakukannya.

Dr juga harap adik dapat keluar dengan rakan-rakan dan lakukan aktiviti bersama seperti beriadah, menonton cerita dan banyak lagi. Isi waktu terluang dengan aktiviti berfaedah.

Jadikan kegembiraan dan keceriaan adik ikhlas apabila bersama mereka. Jika perlu untuk adik meluahkan perasaan kepada rakan ter-

dekat, lakukan. Itu juga salah satu cara mengurangkan kesedihan dan pada waktu yang sama adik juga tidak akan cemburu lagi dengan rakan-rakan.

Pesanan akhir daripada Dr, kehilangan arwah abah adik di dunia adalah satu kunci bagi membuka sebuah pertemuan yang kekal abadi di akhirat kelak kerana setiap insan juga akan pergi dan semua akan bertemu semula di syurga nanti. Tabahlah adik.

Ibu saudara menyamar dalam Facebook

? Saya siswa di sebuah institusi pengajian tinggi dan berusia awal 20-an. Saya mempunyai konflik dalam keluarga sendiri. Saya mempunyai seorang ibu saudara yang menggunakan gambar saya sendiri untuk berkenalan dengan lelaki lain. Dia wanita yang berkahwin selama 11 tahun dan mempunyai empat anak perempuan.

Dia menggunakan identiti saya untuk berkenalan dengan lelaki yang jauh lebih muda daripada usianya. Perkara ini terbongkar selepas lelaki itu meminta untuk berjumpa ibu saudara saya dan lelaki itu berkeras untuk mengetahui siapa saya.

Lelaki itu menghubungi saya dan meminta maaf kerana banyak menyimpan gambar yang dikirim ibu saudara.

Gambar yang diberi pula adalah bersifat peribadi. Bayangkan berapa lama dia berkawan dengan lelaki itu dengan menggunakan gambar dan nama saya sehingga lelaki itu jatuh cinta. Pada

itu melakukan perbuatan itu dengan berkenalan dengan lelaki lain menggunakan identiti adik. Dia mungkin mempunyai masalah tersendiri tetapi kelakuan itu salah dan tidak wajar.

Dr nasihatkan supaya adik berbincang dengannya dan bertanyakan sebab dia melakukan perbuatan itu. Mungkin dia mempunyai masalah rumah tangga dan mencari tempat untuk mendapatkan perhatian.

Tindakan nenek adik yang tidak terkejut ialah masak dengan perangai anaknya dan tidak mampu membendungnya.

Jadi, untuk mengelak perkara ini menjadi keruh dan memburukkan keadaan, adik ambil jalan tengah untuk menstabilkan keadaan dan menjadi seorang yang ingin menyelesaikan. Marah tidak dapat menyelesaikan segalanya.

Jika masalah ini tidak dapat dibendung juga, Dr nasihatkan mungkin adik menukar akaun Facebook demi keselamatan adik.

ibu saudara menyamar dalam Facebook

